

## **PANDUAN AYAT-AYAT KHAWAS DALAM AL-QURAN AL-KARIM: ANALISA BUKU KHAWAS AL-QURAN (TEORI DAN PRAKTIKAL) OLEH DR. TURKI AL-HUWAIMIL**

Zamrie Bin Ibrahim @ Musa (Main Author)

Fakulti Pengajian Al-Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai 71800 Negeri Sembilan, Malaysia

Tel: +6019 7501972, email: zamrie@usim.edu.my

Adnan Mohamed Yusoff (USIM)

Syed M. Chaedar Syed Abdul Rahman Al-Idrus (USIM)

### **Abstrak**

Setiap Muslim yang sebenar wajib mengimani dengan yakin Al-Quran sebagai wahyu Allah taala yang menjadi pedoman kehidupan menuju akhirat yang kekal abadi. Isi kandungan Al-Quran bukan hanya rujukan berbentuk syariah Allah dalam hal keimanan, ibadah dan muamalah sahaja. Ia adalah kitab yang bersifat mu'jiz dengan khasiat yang pelbagai dan salah satunya adalah mempunyai *khawas* pada surah dan ayat-ayatnya. *Khawas* sebagai salah satu tajuk kecil dalam Ulum Al-Quran ini walau bagaimanapun tidak dapat lari dari salah faham. Dr. Turki Bin Sa'ad Bin Fuhaid Al-Huwaimil telah menulis buku *Khawas Al-Quran* bagi tujuan menjernihkan pemahaman tentang ilmu *khawas* Al-Quran kerana terdapat kekeliruan yang berlaku dalam masyarakat muslim hari ini dalam beramal dengan ayat-ayat suci Al-Quran terutamanya bagi tujuan mencapai maksud tertentu seperti penyembuhan daripada penyakit. Buku karangan Al-Huwaimil ini menitikberatkan panduan Al-Quran dan Sunnah dalam menentukan surah, beberapa ayat atau ayat tertentu yang ada *khawasnya*. Analisa ini menggunakan rujukan beberapa metodologi analisa buku ilmiah dari panduan penulisan akademik. Dari analisa ini penulis berharap dapat berkongsi contoh metod penulisan buku yang mampu mendorong kepada kajian terhadap buku-buku dalam genre yang sama tetapi masih memerlukan kritik yang membina supaya ia tidak meyimang daripada tujuan sebenar penurunan kitab suci Al-Quran Al-Karim. Ia akan memberi manfaat sebagai suatu panduan dalam beramal dengan ayat-ayat suci Al-Quran.

**Kata kunci:** *khawas* Al-Quran, khasiat dan fadhilat ayat Al-quran

### **Pendahuluan**

Penulis memilih untuk menganalisa buku *Khawas* al-Quran: Teori dan Praktikal karangan Dr. Turki bin Sa'ad bin Fuhaid Al-Huwaimil untuk menjelaskan tentang satu tajuk kecil dalam ilmu Ulum al-Quran yang kurang mendapat perhatian iaitu *khawas* al-Quran. Dr. Al-Huwaimil melihat antara kepentingan buku ini ialah dapat mengenali lebih baik cabang ilmu ini kerana kecenderungan umat Islam hari ini yang amat teruja dalam beramal dan menggunakan ayat-ayat suci Al-Quran samada bertujuan penyembuhan daripada penyakit, pertahanan diri, mendapat keuntungan, ayat pengasih dan khasiat-khasiat lain (2006, الهويل).

Penulis merasakan banyak faedah boleh diambil memandangkan kecenderungan masyarakat di alam Nusantara terhadap mengamalkan Al-Qur'an dalam kehidupan mereka amatlah ketara. Menurut (Atabik, 2014) “Interaksi antara komunitas muslim dengan kitab sucinya, al-Quran, dalam lintasan sejarah Islam, selalu mengalami perkembangan yang dinamis. Bagi umat Islam, al-Qur'an bukan saja sebagai kitab suci yang menjadi pedoman hidup (*dustur*), akan tetapi juga sebagai penyembuh bagi penyakit (*syifa'*), penerang (*nur*) dan sekaligus kabar gembira (*busyra*). Oleh kerana itu, mereka berusaha untuk berinteraksi dengan al-Qur'an dengan cara mengekspresikan melalui lisan, tulisan, maupun perbuatan, baik berupa pemikiran, pengalaman emosional maupun spiritual.”

### **Pengertian *Khawas* al-Quran: خواص القرآن**

*Khawas* adalah perkataan Arab berasal daripada خاص, salah satu makna dalam kamus *alMaany* bagi perkataan *khawas* adalah kata jamak kepada *khas* (خاص) yang memberi erti: berlainan, berkelebihan dan mengatasi yang selainnya (<https://www.almaany.com/>, n.d).

Bilamana perkataan *khawas* ini disandarkan kepada al-Quran ia membawa maksud ayat-ayat al-Quran yang membawa khasiat dan *khawas* yang tersendiri. Pengarang menegaskan bahawa *khawas* al-Quran bermaksud “kesan yang terhasil daripada al-Quran al-Karim, atau sebahagian daripada surah-surahnya dan ayat-ayatnya dalam memberi manfaat-manfaat kesembuhan.” (2006، الهويل).

### **Analisa Buku**

Dalam menganalisa buku ini, ia akan meliputi hal-hal asas iaitu; pengenalan buku, ringkasan kepentingan tajuk dan tentang penulis. Kemudian perbincangan akan tertumpu kepada memahami intipati kajian ilmiah yang bermula metode susunan dan topik-topik tertentu sebagai contoh.

Adalah penting untuk diketahui sebab utama pemilihan tajuk ini oleh pengarang buku. Penulis membuat ringkasan ini supaya memudahkan analisa seterusnya kerana ia akan menzahirkan tujuan seseorang pengarang dalam sesuatu penulisan sama ada bertujuan menjelaskan, atau mempengaruhi, atau menolak dakwaan ataupun memberi panduan (Christopher Taylor, 2019).

### **Pengenalan Buku dan Pengarang**

Buku setebal 798 muka surat ini merupakan hasil daripada tesis PhD dalam bahasa Arab oleh Dr. Turki bin Sa'ad bin Fuhaid Al-Huwaimil bertajuk “*Khawas al-Quran al-Karim: Satu Kajian Teori dan Praktikal*”. Judul asal dalam Bahasa Arab ialah: خواص القرآن الكريم دراسة نظرية تطبيقية. Pengarang telah dikurniakan ijazah kedoktorannya dengan keputusan cemerlang melalui penulisan tersebut pada tahun 2006 oleh Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Al-Imam Muhammad Bin Saud, Arab Saudi. Buku yang dirujuk untuk analisa ini adalah cetakan pertama oleh penerbit Dar Ibnu Al-Jauzi. Buku ini telah dimuatnaik dari halaman Al-Maktabah Al-Waqfiyyah pada tahun 2012 di bawah tajuk *Ulum Al-Quran* dan boleh dimuat turun melalui mod PDF. Pengarang bertugas sebagai seorang Penolong Profesor di Jabatan *Al-Quran wa 'Ulumuhu* di bawah Fakulti Usuluddin, Universiti Al-Imam di Riyadh Arab Saudi (<https://units.imamu.edu.sa>, 2021).

## Ringkasan Kepentingan Tajuk

Pengarang menekankan antara sebab dan kepentingan pemilihan tajuk tersebut bagi tujuan penulisan ilmiahnya adalah kerana:

1. Keterkaitan ilmu ini secara lansung dengan Al-Quran Al-Karim yang menjadikan individu muslim teruja dan bersemangat beramal dengannya; melalui pembacaan dan hafazan, tadabbur (memahami) maknanya dan beramal dengannya. Dan inilah diantara tujuan daripada penurunan kitab suci Al-Quran itu sendiri.
2. Ilmu tentang *Khawas* Al-Quran adalah berasaskan nas syariat iaitu Al-Quran dan Al-Sunnah. Pengarang merujuk kepada surah Al-Isra' ayat 82 dan surah Fussilat ayat 44, yang mana keduanya dengan jelas menunjukkan khasiat Al-Quran berfungsi dalam penyembuhan sebarang penyakit, boleh mengelak daripada penyakit dan sebarang musibah, dan dijadikan pelindung daripada perkara yang ditakuti mendatang keburukan dan kejahatan.

Maksud ayat (Quran. Surah Al-Isra': 17: 82)

"dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari Al-Quran Ayat-ayat Suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) Al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua".

Maksud ayat (Quran. Surah Fussilat: 41: 44)

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Al-Quran itu, menjadi (cahaya) petunjuk serta penawar bagi orang-orang yang beriman".

Bagi sumber Al-Sunnah pula pengarang merujuk beberapa hadis antaranya hadis riwayat imam Bukhari dan Muslim daripada Abi Sa'id Al-Khudri yang menceritakan bagaimana seorang sahabat berjaya memulihkan seorang yang dipatuk binatang berbisa dengan cara membacakan *ummul kitab* (surah al-Fatihah). Lalu bila diceritakan kepada Nabi s.a.w, baginda memperakukan bahawa ianya sebetuk *ruqyah* dan disuruh berbahagi hasil yang diperolehi daripada usaha *ruqyah* tersebut.

Nas hadis tersebut ialah:

كُنَّا فِي مَسِيرٍ لِنَلْفَنَزْنَا، فَجَاءَتْ جَارِيَةٌ، فَقَالَتْ: إِنَّ سَيِّدَ الْحَيِّ سَلِيمًا، وَإِنَّ نَفَرَ عَيْبٍ، فَهَلْ مِنْكُمْ رَاقٍ؟ فَقَامَ  
مَعَهَا رَجُلٌ مَا كُنَّا نُبْنِيهِ بِرُقِيَّةٍ، فَرَقَاهُ فَبَرَأَ، فَأَمَرَ لَهُ بِثَلَاثِينَ شَاةً، وَسَقَا لِبَنَانًا، فَلَمَّا رَجَعْنَا قُلْنَا لَهُ: أَكُنْتَ تُحْسِنُ  
رُقِيَّةً - أَوْ كُنْتَ تَرْقِي؟ - قَالَ: لَا، مَا رَقَيْتُ إِلَّا مِمَّا كَتَبَ قُلْنَا: لَا تُحَدِّثُوا شَيْئًا حَتَّى حَتَّى - أَوْ نَسَأَلُ -  
النَّبِيَّ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَلَمَّا قَدِمْنَا الْمَدِينَةَ ذَكَرَ هَذَا لِلنَّبِيِّ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: وَمَا كَانَ يُدْرِيهِ أَنَّهَا رُقِيَّةٌ؟  
أَفْسِمُوا وَاضْرِبُوا لِي بِسَهْمٍ

3. Para ulama silam telah memberi perhatian terhadap tajuk ini, maka ia suatu tajuk yang perlu diberikan perhatian.
4. Penulisan dalam tajuk ini diresapi oleh bid'ah dan khurafat, hal tersebut perlu kepada penelitian dan diambil tanggungjawab yang sebaiknya. Apalagi pada perkara yang disandarkan kepada Nabi s.a.w dan para sahabat dan *taabi'in rodiyallahu'anhum*.

5. Keperluan tersebut lebih lagi utama bilamana ia melibatkan jiwa-jiwa yang Allah taala jadikan ia bersifat lemah, berharap, takut dan mencintai Al-Quran. Rasa memerlukan dan kebergantungan menjadi lebih besar dalam situasi manusia yang sedang mengalami kesakitan atau ditimpa musibah ujian. Maka tajuk ini menjadi penting kerana boleh jadi ia membawa kepada perkara yang dilarang agama tanpa disedari.
6. Bahawa ilmu *khawas* Al-Quran beredar dikalangan masyarakat secara mulut ke mulut dan melalui penulisan dan ia tidak dapat lari daripada perkara yang menyalahi syariah Islam kerana kejahilan atau kerana terpesong daripada metodologi yang betul.

Perkara yang digariskan di atas menyatakan keperluan penulisan tajuk ini secara kritikan yang bersifat bebas, bertujuan menjelaskan asal usul, menggariskan beberapa peraturan, syarat-syarat dan adab-adab, dan membongkar kata-kata dan perkara-perkara yang palsu.

## Kajian Literatur

Mengikut pengamatan pengarang, beliau mendapati kajian berkaitan ilmu khawas Al-Quran dalam dua bentuk; sama ada yang dijadikan satu topik dalam buku Ulum Al-Quran atau yang dinukilkan sebagai tajuk khusus namun belum diberikan perhatian yang penuh dan menyeluruh. Lebih-lebih lagi kebanyakan karya khusus tentang khawas Al-Quran masih dalam bentuk manuskrip. Pengarang merujuk contoh bagi tulisan yang khusus mengenai khawas Al-Quran ialah buku Ahmad Albuni (meninggal 622H) bertajuk *Khawas Albasmath*, juga buku Abdullah bin As'ad Al-Yafi'i (meninggal 768 H) bertajuk *Al-Dur Al-Nazim Fi Khawas Al-Quran Al-Azim* dan buku karangan Ibnu Abdul Hadi (meninggal 909 H) bertajuk *Al-Isti'annah Bil Fatihah 'Ala Najah Al-Umur*.

Kajian pengarang adalah terhad kepada hasil penulisan lama dan tidak menumpukan kepada tulisan-tulisan terkini pada masa beliau berkaitan *khawas* Al-Quran. Harapan daripada pengarang supaya (2006, الهويل) "kajian ini insya Allah akan menjadi kajian paling menyeluruh dan meluas dalam tajuk yang ditampilkan."

Setelah pengarang melakukan pengamatan terhadap buku-buku tulisan tersebut, didapati penumpuan lebih adalah kepada teori berkaitan *khawas*. Selain itu terdapat dalam jumlah yang banyak hadis-hadis yang *dho'if* dan *maudhu'* (direka) yang dibuat sandaran. Bahkan ia juga mengandungi perkara-perkara bersifat khurafat dan *rumuz* (berbentuk isyarat) yang batil.

Penulis berpendapat bahawa cara pengarang memilih rangka kajian (*hudud al bahs*) adalah bertepatan dengan tujuannya iaitu sebagai usaha pemurnian yang ingin dilakukan dengan penumpuan terhadap kajian berkaitan nas-nas sandaran hadis yang *maudhu'* (hadis palsu) dan *dho'if* (lemah). Bahkan mengikut pengamatan penulis terhadap beberapa buku yang disusun oleh penulis-penulis moden di alam Nusantara, didapati mereka amat bergantung kepada penulisan lampau ketika membuat rujukan bahkan tidak salah untuk dikatakan bahawa mereka menterjemahkan hampir secara harfi buku-buku ulama terdahulu. Sebagai contoh iakalah buku berjudul: *Khasiat & Fadhilat Ayat-Ayat Suci Al-Quran 30 Juzu'*, karangan nama pena Abu Albaqir Al-Dusuqi.

## Metodologi Buku

## Pembahagian bab dalam buku

Sesuai dengan tajuk yang ditetapkan, buku ini dibahagikan kepada dua bahagian utama; bahagian pertama adalah bahagian perbincangan teori dan bahagian kedua pula adalah bahagian praktikal.

## Perbincangan Teori dan Praktikal

Ia merangkumi dua bahagian:

Bahagian Pertama mempunyai dua bab di mana fasal awalnya adalah tentang Khawas dan buku-buku tulisan ulama dalam tajuk khawas. Fasal-fasal dalam bab ini bermula dengan pengertian khawas dan bentuk-bentuknya, khawas yang dibincangkan dalam buku-buku Ulum al-Quran dan Hadis dan akhir sekali khawas yang ditulis oleh para ulama.

Pada Bab Kedua, pengarang menumpukan perhatian tentang hukum-hukum syari'ah berkaitan khawas al-Quran. Bab ini membincangkan hukum berkaitan penggunaan ayat-ayat al-Quran untuk penyembuhan dan tujuan-tujuan lain. Pengarang juga menumpukan kepada المحاذير الشرعية iaitu perkara-perkara atau perbuatan yang dilarang syarak ketika beramal dengan ayat-ayat khawas.

## Bahagian Pertama: Teori *khawas* Al-Quran

Bahagian ini menjawab kesemua perkara yang berkait dengan teori asas ilmu *khawas* Al-Quran. Pengarang menjelaskan takrifan *khawas*, perbezaan antara *khawas* dan *khawas*, bentuk-bentuk ilmu *khawas* secara umum dan ilmu *khawas* yang khusus berkait Al-Quran Al-Karim. Untuk khawas Al-Quran pula perbincangan tentangnya akan meliputi empat bentuk, iaitu;

1. Khawas satu surah secara menyeluruh (contoh: khawas surah Al-Faatihah).
2. Khawas sekumpulan surah/ beberapa surah (contoh: khawas surah Al-Baqorah dan Aal-Imran).
3. Khawas satu ayat Al-Quran (contoh: khawas ayat Kursi).
4. Khawas beberapa ayat Al-Quran (contoh: khawas ayat-ayat awal surah Al-Kahfi).

Kesemua empat bentuk ini akan dihuraikan samada dari jenis; *Sahihah/ Maqbulah* iaitu yang benar dan dapat diterima, atau *Qhair Sohihah/ Mardudah* (غير صحيحة/ مردودة) iaitu yang tidak benar dan tertolak (ia terbahagi kepada dua; yang *dhoif* (lemah) dan yang *maudhu'* (direka).

Pengarang buku membahaskan *khawas* Al-Quran daripada tiga sumber ilmu utama, iaitu:

1. Buku-buku Ulum Al-Quran,
2. Buku-buku Tafsir dan
3. Buku-buku Hadis.

Di dalam buku-buku Ulum Al-Quran, pengarang mendapati hanya sebahagian sahaja daripada buku-buku Ulum Al-Quran yang umum yang menjelaskan tajuk khawas Al-Quran. Sebahagian yang lain tidak membicarakannya dalam tulisan mereka. Ada buku-buku yang meletakkan tajuk *khawas* di dalam salah satu tajuk Ulum Al-Quran lain yang ada kaitan dengannya. Rujukan utama yang meletakkan khawas Al-Quran sebagai tajuk khusus ialah; Kitab *Al-Burhan* oleh Al-Zarkasyi dan *Al-Itqan* oleh Al-Suyuthi.

## Bahagian Kedua: *Khawas* Al-Quran Mengikut Urutan surah Al-Qur'an (Praktikal)

Bermula dari muka surat 191 sehingga muka surat 674 adalah perbahasan sekitar *khawas* bagi setiap surah Al-Quran bermula dari surah Al-Fatihah sehinggalah surah Al-Nas. Inilah kelainan yang cuba dilakukan oleh pengarang yang dimaksudkan dengan hasil akademik yang paling meluas dan menyeluruh dalam tajuk yang dikaji.

Dalam tulisan ini penulis hanya akan mengambil beberapa contoh sahaja bagi menjelaskan bagaimana dan sejauhmana pengarang berjaya mengaplikasi metod yang digarap.

### Contoh 1: *Khawas* Ayat al-Kursi

Selepas pengarang menerangkan tentang *khawas* daripada surah al-Baqorah secara umum, dibincangkan tentang *khawas* bagi ayat al-Kursi. Di mulakan dengan sumber hadis dan *athar* sahih berkait *khawas* ayat al-kursi. Kemudian hadis-hadis yang *al-mauqufah* dan kajian serta komen.

### *Khawas* ayat al-kursi daripada sumber dan *athar* yang sahih, antaranya;

1. Hadis Abu Hurairah r.a yang menjadi penjaga kepada harta zakat fitrah Ramadhan yang telah didatangi seseorang yang berusaha mencuri makanannya. Rasulullah s.a.w memberikan panduan bahawa apa yang diajar tentang khasiat jika membaca ayat al-Kursi boleh menjadi pendinding daripada gangguan makhluk jin kepada pembacanya sebelum tidur adalah benar. Walaupun makhluk yang mengajar itu adalah syaitan. Nas hadis tersebut ialah:

وَكَلَّنِي رَسُولُ اللَّهِ بِحِفْظِ زَكَاةِ رَمَضَانَ ، فَأَبَى آتٍ ، فَجَعَلَ يَحْتَوِي مِنَ الطَّعَامِ ، فَأَخَذْتُهُ ، فَقُلْتُ :  
لَأَرْفَعَنَّكَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ ، قَالَ : إِنْ مَحْتَجَّجٌ ، وَعَلَيْكَ دَيْنٌ وَعِيَالٌ ، وَلِي حَاجَةٌ شَدِيدَةٌ فَخَلَّيْتُ عَنْهُ ،  
فَأَصْبَحْتُ ، فَقَالَ النَّبِيُّ : أَمْ هَرِيرَةٌ مَا فَعَلَ أَسِيرُكَ الْبَارِحَةَ ؟ قَالَ : قُلْتُ : رَسُولُ اللَّهِ شَكَا حَاجَةً  
شَدِيدَةً وَعِيَالًا ، فَرَحِمْتُهُ فَخَلَّيْتُ سَبِيلَهُ ، قَالَ : أَمَا إِنَّهُ قَدْ كَذَبَكَ وَسَيَعُودُ فَعَرَفْتُ أَنَّهُ سَيَعُودُ ، لِقَوْلِ  
رَسُولِ اللَّهِ : أَنَّهُ سَيَعُودُ ، فَصَدَّقْتُهُ ، فَجَاءَ يَحْتَوِي مِنَ الطَّعَامِ ( وَذَكَرَ الْحَدِيثَ إِلَى أَنْ قَالَ : ) فَأَخَذْتُهُ  
يَعْنِي فِي الثَّلَاثَةِ ( فَقُلْتُ : لَأَرْفَعَنَّكَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ ، وَهَذَا آخِرُ ثَلَاثِ مَرَاتٍ تَزْعُمُ أَنَّكَ لَا تَعُودُ ، ثُمَّ  
تَعُودُ ، قَالَ : دَعْنِي أُعَلِّمُكَ كَلِمَاتٍ يَنْفَعُكَ بِهَا قُلْتُ : مَا هُنَّ ؟ قَالَ : إِذَا أَوَيْتَ إِلَى فِرَاشِكَ ، فَاقْرَأْ  
آيَةَ الْكُرْسِيِّ : ( لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ) حَتَّى تَخْتَمَ الْآيَةَ ، فَإِنَّكَ لَنْ يَزَالَ عَلَيْكَ مِنْ حَافِظٍ ،  
وَلَا يَقْرُبُكَ شَيْطَانٌ حَتَّى تَصْبَحَ فَخَلَّيْتُ سَبِيلَهُ ، فَأَصْبَحْتُ ، فَقَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ :  
مَا فَعَلَ أَسِيرُكَ الْبَارِحَةَ ؟ قُلْتُ : رَسُولُ اللَّهِ زَعَمَ أَنَّهُ يُعَلِّمُنِي كَلِمَاتٍ يَنْفَعُنِي بِهَا ، فَخَلَّيْتُ سَبِيلَهُ ،  
قَالَ : مَا هِيَ ؟ قُلْتُ : قَالَ لِي : إِذَا أَوَيْتَ إِلَى فِرَاشِكَ فَاقْرَأْ آيَةَ الْكُرْسِيِّ ، مِنْ أَوْلَاهَا حَتَّى تَخْتَمَ الْآيَةَ )

‘لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ’ ، و قال لي : لن يزال عليك من حافظ ، و لا يقربك شيطانٌ حتى  
تصبح و كانوا أحرصَ شيءٍ على الخير فقال النبي : أما إنه قد صدَّقك ، و هو كذوبٌ ، تعلم من  
تخاطبُ منذ ثلاثٍ ليالٍ أ هريرة ؟ قلتُ : لا قال : ذاك الشيطانُ

2. Hadis kedua ialah riwayat Imam Muslim di mana Ubay ibn Ka’ab diajar dengan pertanyaan oleh Nabi Muhammad s.a.w “Wahai Aba Munzir adakah kamu tahu ayat yang lebih besar kedudukannya?”. Ubay Ibnu Ka’ab yang menyatakan bahawa Allah dan NabiNya lebih mengetahui, kemudian Nabi bertanya lagi, lalu dijawab oleh Ubay; ayat al-Kursi لا إله إلا هو Lalu Nabi memuji Ubay.

Selain dua hadis di atas, pengarang membawa 3 buah lagi hadis dan *athar* dalam kategori sahih ini; hadis daripada Abi Umamah dan Asmak bint Yazid bin al-Sakan.

### **Bagi hadis dan *athar* yang *mauqufah* pula, pengarang membawa dua dalil;**

1) *Athar* daripada Ali bin Abi Tholib yang telah berkata, maksudnya:

“ Aku tidak mengetahui seseorang yang tahu bahasa Islam (al-Quran) ketika mahu tidur melainkan bila membaca ayat al-Kursi dan ayat-ayat akhir surah al-Baqorah, sesungguhnya ia adalah daripada khazanah di bawah Arasy”.

2) Abi Umamah mengatakan (yang bermaksud):

“ bahawa 4 ayat yang merupakan khazanah di bawah Arasy yang tidak sama dengan selainnya; iaitu Ummul al-Kitab, ayat al-Kursi, *khawatim* surah al-Baqorah dan surah al-Kauthar”.

### **Kajian dan Komen *khawas* ayat al-Kursi**

Pengarang memanjangkan perbincangan terhadap semua dalil daripada hadis dan *athar* yang sahih dahulu. Ia seakan syarah atau penelitian terhadap sumber yang dimaksudkan beserta huraian daripada ulama. Di sini banyak penegasan terhadap maksud yang dikehendaki daripada hadis yang dijadikan hujah tersebut. Sebagai contoh pada muka surat 281 “dan Al-Sa’di berkata dalam tafsirnya: Nabi s.a.w memberitahu bahawa ayat ini adalah sebesar-besar ayat kerana ia meliputi makna-makna tauhid dan fitrah, dan menunjukkan kebesaran sifat-sifat Allah (*al-Bari*)”.

### **Cara beramal dan menggunakan ayat al-Kursi**

Pengarang menjelaskan cara yang betul bagaimana beramal dengan ayat al-Kursi sebagaimana ia disebutkan pada hadis dan *athar* yang sahih. Ia amat jelas bila pengarang mengatakan “Maka wajib bagi setiap muslim terus membacanya (ayat al-Kursi) dan beramal dengan hidayah panduan Nabi s.a.w

(yang menyuruh) pada setiap kali mahu tidur, setiap malam, bagi mendapatkan khasiatnya (penjagaan Allah daripada syaitan sehingga bangun daripada tidur)”.

### **Sumber Hadis *Dho'if* dan Palsu tentang ayat *al-Kursi***

Akhirnya perbincangan pengarang tertumpu kepada hadis-hadis yang terkeluar daripada kategori yang sahih dan kuat. Di dalam tajuk berkait ayat *al-Kursi* sahaja ada sebanyak 17 hadis dan *athar* daripada kategori ini.

Sebagai contoh hadis yang dikaji sebagai *dho'if* ialah hadis Abi Hurairah r.a yang bermaksud “ Sabda baginda Nabi s.a.w: sesungguhnya bagi setiap sesuatu itu sesuatu yang menonjol dan bagi al-Quran adalah surah al-Baqorah kerana padanya ketua ayat-ayat al-Quran , tidak dibaca pada sesebuah rumah melainkan syaitan yang ada didalamnya akan keluar, itulah ayat *al-Kursi*”.

### **Contoh 2: *Khawas* Surah Qof**

Sebagai permulaan memasuki surah yang ke 50 ini dalam urutan surah al-Quran, pengarang memperkenalkannya sebagai permulaan *khawas* surah *Al-Mufasssol*.

Susunan perbahasan tajuk adalah seperti berikut:

- 1- Hadis dan *athar* sahih bagi *khawas* surah Qof, kajian dan komen.
- 2- Khasiat Surah Qof, Cara Beramal dan Cara Mendapat Faedah Daripadanya, dan Maksud Surah
- 3- Hadis-hadis dan *athar* yang *dhoi'f* bagi *khawas* surah Qof, kemudian kajian dan komen.

### **Hadis dan *Athar* Sahih bagi *Khawas* Surah Qof**

Hadis yang pertama daripada Umm Hisham bint Harithah bin Nu'man membawa makna bahawa perawi mendengar Rasulullah s.a.w membaca *ق وَالْفُرَّانِ الْمَجِيدِ* pada setiap hari Jumaat ketika baginda berkhotbah. Hadis kedua daripada Qutbah bin Malik pula bermakna baginda Nabi membaca ayat pertama sehingga ayat ke sepuluh daripada surah Qof pada solat Subuh. Hadis ketiga daripada Jabir bin Samrah juga tentang bacaan dalam solat Subuh. Dalil keempat pula daripada Umar bin Al-Khattab r.a. yang bertanyakan Aba Waqid Al-Laithi tentang bacaan baginda Nabi s.a.w pada Hari Raya Korban dan Hari Raya Puasa. Lalu jawapan Al-Laithi ialah baginda membaca pada keduanya dua surah iaitu surah Qof dan surah Al-Qomar *أَقْتَرَبَتِ السَّاعَةُ وَأَنْشَقَّ الْقَمَرُ* .

### **Kajian dan Komen**

Pengarang memberi penjelasan berdasarkan semua bukti di atas diikuti dengan komen daripada ulama terdahulu. Sebagai contoh, dibawa kata-kata Imam An-Nawawi rahimahullah “Para ulama menyatakan bahawa sebab dipilih surah Qof ialah kerana ia meliputi hari pembalasan dan kematian, juga peringatan yang kuat dan pembalasan yang pasti. Padanya juga dalil untuk dibaca dalam khutbah dan galakan bacaan surah Qof atau sebahagiannya pada setiap khutbah”.

### **Khasiat Surah Qof, Cara Beramal dan Kaifiat Mengambil Faedah**

Pengarang menjelaskan antara sebab surah *Qof* mempunyai khasiat adalah; Pertama: ia tergolong daripada surah *Mufasssol* yang diperakui melalui hadis, bahawa Allah taala melebihkan Nabi Muhammad melalui penurunan surah-surah pendek (*Mufasssol*). Kedua; Hadis yang menjelaskan bahawa ianya salah sebuah surah yang baginda Nabi s.a.w membacanya pada setiap kali berkhotbah di mimbar pada hari Jumaat. Ketiga; melalui hadis Umm Hisham yang bermaksud: “aku tidak mengambil *القرآن المجيد* melainkan daripada lidah Rasulullah s.a.w yang dibacakan baginda semasa berkhotbah pada hari Jumaat”.

Nas hadis yang dimaksudkan ialah:

لَقَدْ كَانَ تَنْوُرُنَا وَتَنْوُرُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَاجِدًا، سَنَّتَيْنِ، أَوْ سَنَةً وَيَعْضُ  
سَنَةً، وَمَا أَخَذْتُ قِ وَالْقُرْآنِ الْمَجِيدِ إِلَّا عَنْ لِسَانِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يَفْرُوهَا كُلَّ يَوْمٍ  
جُمُعَةٍ عَلَى الْمِنْبَرِ، إِذَا خَطَبَ النَّاسَ

Pengarang menukilkan perbincangan ulama untuk menjelaskan khasiat surah *Qof* seperti penjelasan Al-Hafiz Ibn Kathir “...dan maksud bahawa baginda Rasulullah s.a.w membaca surah ini pada perhimpunan besar dan Jumaat adalah kerana surah ini meliputi hal berkaitan permulaan penciptaan, hari kebangkitan dan hari perhimpunan, hari kembali, hari kiamat, hari hisab, syurga dan neraka, ganjaran dan siksaan, galakan buat kebaikan dan amaran atas kemungkaran” (2006, الهويل).

Kemudian pengarang menguatkan lagi hujah tentang khasiat surah *Qof* bersandarkan perbincangan penulis kitab *Subul Al-Salam*.

Setelah menghuraikan hadis-hadis dan *athar* yang sahih ini, pengarang menegaskan bahawa surah *Qof* dan surah *Al-Qamar* mempunyai khasiat kerana kedua-duanya disebut secara khusus berbanding surah lain sebagai bacaan pada perhimpunan yang besar dan juga kerana kandungan kedua-duanya yang membawa maqasid besar bagi kehidupan dunia dan akhirat.

### Hadis-hadis dan *Athar Dho'if*

Hadis Pertama yang bermaksud:

Daripada Ubay bin Ka'ab r.a dia berkata; Sabda Rasulullah s.a.w “Sesiapa yang membaca surah *Qof* diringankan atasnya ujian ketika sakaratulmaut”.

Hadis Kedua yang bermaksud:

Daripada Abi Dardaa' r.a dia berkata maksudnya: Sabda baginda Rasulullah s.a.w “Belajarlah *والسما والطارق* dan *والسما ذات البروج والنجم* belajarlah *ق* belajarlah *عم يتساءلون*. Maka sesungguhnya jika kamu semua tahu apa yang ada pada kesemua surah tersebut nescaya akan ditinggalkan semua urusan lain untuk kamu, belajarlah kamu semua surah-surah itu dan jadikanlah ia sebagai jalan taqarrub kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah mengampunkan dengannya setiap dosa melainkan dosa syirik”.

Al-Yaafi'i menulis dalam *khawas* surah *Qof* seperti berikut:

“Firman Allah... (Surah *Qof* ayat 1 hingga 11) Ayat-ayat ini adalah pelindung bagi pokok-pokok dan buah-buahnya daripada kemusnahan, sesiapa yang ingin hal sedemikian maka

hendaklah dia ambil sebahagian sedikit daripada air hujan yang pertama turun pada musim Arrabi' diletakkan di dalam bekas licin yang bersih atau bekas kaca yang baru/elok, dan ditulis ayat-ayat dalam riko' tujuh / tujuh baris menggunakan air mawar dan za'faran pada setiap baris ayat, kemudian dibasuh/ dihilangkan dengan air baki ketika insyiqoq/ keluar Fajar / terbit matahari. Dan dibacakan ketika membersihkannya ayat-ayat itu sebanyak tujuh kali, kemudian direnjiskan pada pangkal setiap pokok yang diinginkan supaya berbuah dan elok hasilnya. Dan sekiranya diletakkan padanya bijian atau benih dan ditanam akan tumbuh dengan baik sekali. Dan ketahuilah bahawa surah ini jika bila dibaca keatas seseorang yang menghadapi kematian, Allah akan meringankan atasnya ketika sakaratulmaut, dan sesiapa yang meminumnya dgn air hujan kerana mengalami sakit perut, atau bayi yang belum tumbuh giginya, atau seorang yang takut nescaya selesai segala orang mereka itu seperti yang dikehendaki”.

### **Kajian dan Komen**

Hadis Ubay bin Ka'ab ada menyentuh tentang kelebihan-kelebihan Al-Quran Al-Karim, khasiat surah Qof juga disebut, dan ianya berfungsi kepada mereka yang membacanya diringankan sakaratulmaut. Hukum hadis itu telah dibincangkan panjang lebar sebagai hadis palsu.

Kemudian tentang hadis Abi al-Dardaa' dalam khawas Al-Quran untuk surah ini dan suruhan supaya dipelajari dan diguna sebagai *Taqarrub* kepada Allah. Jika diamalkan akan memberi keampunan daripada setiap dosa kecuali Syirik.

Hadis tersebut telah disebutkan dalam buku hadis-hadis palsu, *Isnad* hadis juga dibahaskan oleh ulama.

Kemudian tentang *tajaruub*, amalan-amalan, cara beramal yang disebutkan oleh *Al-Yaafi'ii* dalam kitab *Addur AnNazim fi Khawas Al-Quran Al-Azim*. Dan yang disebut sebagai cara-cara dan jalan-jalan penggunaannya jika ingin mendapatkan khawas/khasiat drp surah ini. Bentuk panduan yang ditunjukkan itu termasuk di dalam larangan-larangan Syari'ah, seakan mempergunakan al-Quran al-Karim dan tidak memelihara peraturan dan adab-adab syar'ie yang wajib dihormati dan dijaga dan digunapakai ketika beramal, menggunakan dan mengambil *khawas* Al-Quran Al-Karim.

### **Analisa Umum**

Boleh digariskan secara umumnya tentang buku ini bahawa:

1. Maklumat yang cukup teliti dijelaskan dalam bab pertama berkaitan teori untuk tajuk *khawas* al-Quran bermula awal penulisan hingga kurun terdekat.
2. Pengarang berjaya menghuraikan dengan baik setiap tajuk dengan jelas mengikut metodologi yang telah dipilih (seperti contoh yang diberikan dalam tulisan ini).
3. Keistimewaan buku ini adalah penyediaan jadual tajuk yang menyeluruh yang memberikan kemudahan bagi tujuan rujukan dan bacaan, ianya meliputi jadual khusus bagi:
  - a) Ayat Al-Quran (dinyatakan surah dan nombor ayat),
  - b) Hadis (dibahagikan mengikut tiga kategori: *Sahih*, *Dhoif* dan *Maudhu'*),
  - c) Senarai Sya'ir dan
  - d) Senarai tajuk buku.

4. Terdapat contoh kesalahan kecil dalam kandungan tajuk pada muka surat 297 dengan tajuk “Bab Ketiga: Tentang Sebahagian Khawas Ayat Kursi dan Manfaatnya” yang sepatutnya di bawah tajuk *Dirasah* dan Komen terhadap karangan “*Mujarrabat al\_Dirabi al-Kabir* tentang Khawas Ayat Kursi”.

## Kesimpulan

Antara kesimpulan daripada analisa yang dilakukan terhadap sebahagian daripada buku ini, penulis membuat beberapa kesimpulan, antaranya:

1. Kecenderungan yang jelas bahawa pengarang meyokong huraian berpandukan kedudukan dalil-dalil terutamanya sumber sunnah Rasulullah s.a.w. Ia sangat jelas di mana seringkali penegasan pengarang “ dan dalam hadis-hadis yang tepat Sahih daripada Rasulullah s.a.w adalah sudah mencukupi berbanding hadis yang tidak sunyi dari kelemahan/dhoif atau palsu” (2006، الهويل).
2. Walaupun begitu terdapat sedikit keterbukaan dalam memberi kebenaran menggunakan *Mujarrabat* para ulama tetapi bersyarat selagi ia tidak menyalahi larangan Syari’at (*Mahzur Syar’ie*).
3. Suatu persoalan yang perlukan huraian yang jitu serta tuntas ialah; Sejauhmanakah batasan membenaran dan larangan dalam menggunakan sumber Hadis *Dhoif* bagi tujuan berkaitan perubatan dan lain-lain?
4. Bolehlah dianggap bahawa buku ini berjaya menjadi rujukan ilmiah berbentuk perbandingan melalui analisa dalil-dalil berkaitan yang disertakan dengan dengan kritik serta komen.

## Rujukan

Al-Quran. Quran.com

Hadis. <https://www.dorar.net/hadith>

<https://www.dorar.net/hadith/search?q=%D9%85%D8%A7+%D9%81%D8%B9%D9%84+%D8%A3%D8%B3%D9%8A%D8%B1%D9%83+%D8%A7%D9%84%D8%A8%D8%A7%D8%B1%D8%AD%D8%A9&xpanded=1>  
<https://www.dorar.net/hadith/search?q=%D8%A5%D9%86+%D9%84%D9%83%D9%84+%D8%B4%D9%8A%D8%A1+%D8%B3%D9%86%D8%A7%D9%85%D8%A7&st=a&xclude=>  
<https://www.dorar.net/hadith/search?q=%D9%8A%D8%A7+%D8%A7%D8%A8%D8%A7+%D8%A7%D9%84%D9%85%D9%86%D8%B0%D8%B1&st=a&xclude=>

Atabik, A. (2014). The Living Qur'an: Potret Budaya Tahfiz Al-Qur'an di Nusantara. *Jurnal Penelitian*, 161-177.

Christopher Taylor. (2019, August 2). *How to Analyze a Book*. Retrieved from wikiHow:

<https://www.wikihow.com/Analyze-a-Book>

<https://units.imamu.edu.sa>. (2021, 09 21). <https://units.imamu.edu.sa>. Retrieved from <https://units.imamu.edu.sa>:

[https://units.imamu.edu.sa/colleges/FundamentalsOfReligion/SiteAssets/Pages/almajles\\_quran/بيان\\_بأسماء\\_أعضاء\\_هيئة\\_التدريس\\_بقسم\\_القرآن\\_وعومه.docx](https://units.imamu.edu.sa/colleges/FundamentalsOfReligion/SiteAssets/Pages/almajles_quran/بيان_بأسماء_أعضاء_هيئة_التدريس_بقسم_القرآن_وعومه.docx)

<https://www.almaany.com/>. (n.d). <https://www.almaany.com/>. Retrieved from <https://www.almaany.com/>.

تركي بن سعد بن فهيد الهويل. (2006). *خواص القرآن الكريم دراسة نظرية تطبيقية*. الرياض: دار ابن الجوزي.